

Rujukan Kami : UMS (S)/PEND2.3/600-3/1/1
Tarikh : 18 Mac 2026

SENARAI EDARAN AHLI SENAT SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN SENARAI DAFTAR PENGUNDI DAN JEMPUTAN MENGHADIRI TAKLIMAT PENGUNDIAN BAGI SESI PEMILIHAN PROFESOR SEBAGAI AHLI SENAT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH TAHUN 2026

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Selaras dengan Perintah Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pengubahan dan Penambahan kepada Perlembagaan) UMS 2010 di bawah seksyen 22(1)(d) yang berkuat kuasa bermula pada 1 Januari 2011, satu proses pemilihan anggota Senat dalam kalangan Profesor Universiti Malaysia Sabah akan diadakan pada **1 April 2026 (Rabu)** melalui kaedah pengundian dalam Sistem E-Undi Senat (<https://registrar.ums.edu.my/staff/web/senat/index>). Seramai tujuh (7) orang profesor warganegara Malaysia sepenuh masa akan dipilih dalam sesi pemilihan ini daripada sembilan (9) orang Profesor yang bertanding.

3. Sehubungan itu, YBrs. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan dijemput menghadiri Taklimat Pengundian bagi Sesi Pemilihan Profesor sebagai Ahli Senat pada ketetapan berikut:

Tarikh : 31 Mac 2026 (Selasa)
Masa : 2.30 Petang
Kaedah : Secara dalam talian melalui Microsoft Teams
<https://acesse.one/Zxb04>

4. Bersama ini dilampirkan maklumat berkaitan undian untuk rujukan YBrs. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan:

- Senarai Daftar Pengundi (Profesor dan Profesor Madya Sepenuh Masa).
- Atur cara Taklimat Pengundian bagi Sesi Pemilihan Profesor sebagai Ahli Senat.
- Tatacara Pengundian dalam E-Undi Senat.
- Poster calon-calon profesor yang bertanding bagi Sesi Pemilihan Profesor Sebagai Ahli Senat UMS.

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, bolehlah menghubungi Urus Setia Senat seperti berikut:

- Pn. Juliana Affendy, Penolong Pendaftar Kanan: 019-809 6002; atau
- Pn. Nur Habibi Derin, Pembantu Tadbir (P/O) : 010-3004515; atau
- E-mel rasmi: senat_bpa@ums.edu.my.

Samb...1/2



Certified to ISO9001:2015
Cert. No: QMS 01200



ISO 45001 CERTIFIED
Cert No: O-174/21

Samb...2/2
Rujukan Kami: UMS (S)/PEND2.3/600-3/1/1
Tarikh: 18 Mac 2026

Segala jasa baik dan perhatian YBrs. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan setinggi-tinggi terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



JUSTINA JOHN

Penglong Pendaftar Kanan
Menjalankan Tugas-Tugas Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Akademik
b.p Pengarah

s.k. - Pendaftar
 - Pengarah Bahagian Perkhidmatan Akademik
 - Fail